


Bengkel "Usahawan Berketerampilan" : Pengurusan Imej

Oleh : Fathul Azan Faezan



Bertempat di Hotel EDC Universiti Utara Malaysia pada tarikh **10 Januari 2010** telah diadakan satu bengkel "Usahawan Berkerampilan": Pengurusan Imej. Seramai 25 peserta yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar Jurusan Perniagaan Antarabangsa telah melibatkan diri. Dalam pada itu juga, bengkel pada kali ini telah menarik minat para pelajar antabangsa iaitu dari Indonesia. Kira-kira 7 pelajar dari negara jiran tersebut menghadiri sesi bengkel pada kali ini. Manakala penceramah pula ialah Prof. Madya Dr. Amran Awang dari Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) UiTM Cawangan Arau Perlis.

Dalam bengkel ini, beliau turut menyelitkan juga hal-hal yang berkaitan dengan penilaian terhadap diri masing-masing. Dengan itu, para peserta bengkel dapat mengenalpasti apakah kelebihan atau kekurangan yang ada pada diri. Sedikit sebanyak, para peserta dapat mengetahui sejauh mana kemampuan yang ada pada diri masing-masing sebelum bergelut dan berkecimpung dalam dunia perniagaan.

